

## **050 BICARA AKHLAK DALAM PERIBAHASA ARAB DAN MELAYU: TINJAUAN UMUM**

**Hj. Ahmad bin Ismail**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

### **ABSTRAK**

Akhlik adalah keadaan jiwa seseorang yang mendorong dan memudahkan sesuatu perbuatan baik atau buruk, yang menyebabkan pemiliknya dengan mudah melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan tanpa perlu menimbang-nimbang atau bersusah payah, dengan kata-kata lain keadaan itu sudah melekat dan jadi sifat hati. Ramai para ilmuan cuba menghuraikan tentang adakah akhlak itu dapat diubah atau tidak?. Islam melihat tabiat manusia memerlukan tahzib/tarbiah/ta'dib untuk mengimbangkan dan mengawalkan unsur-unsur yang ada dalam dirinya supaya selaras dengan kehendak Allah SWT yang menjadi neracanya. Pendidikan adalah wahana yang efektif dalam mengimbangi unsur-unsur itu. Dalam peribahasa terdapat elemen-elemen akhlak yang boleh boleh dijadikan bahan untuk tarbiah diri. Kajian ini cuba mengenangkan secara umum (sebagai contoh) elemen-elemen aklah yang tersurat dan tersirat dalam Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu.

### **PENDAHULUAN**

Peribahasa dalam apa juu bangsa dan bahasa pun adalah cerminan minda bangsa tersebut. Ia lahir dari pengalaman, ilmu, pemerhatian kepada persekitaran sekeliling mereka. Ia diucapkan dalam bentuk yang ringkas, kemas dan bernas, menarik, sedap didengar dan mempunyai pengaruh yang mendalam dalam jiwa bangsa itu. Atas dasar ini, peribahasa akan diterima pakai oleh masyarakat bangsa itu dan diwarisi turun temurun dari generasi ke generasi.

Peribahasa diungkap untuk menyatakan perasaan dan tanggapan terhadap sesuatu peristiwa, keadaan, adat resam, kepercayaan dan semua gejala hidup dalam masyarakat. Dengan kata lain, peribahasa adalah pati atau intisari kata-kata hikmat masyarakat berkenaan.

Orang-orang Arab sangat-sangat perihatin terhadap peribahasa semenjak zaman berzaman. Apa saja fenomena yang terjadi, di sana terdapat peribahasa yang diungkapkan. Oleh hal yang demikian, dirasakan amat perlu kita mengetahui peribahasa Arab samada menerusi komunikasi, pembacaan buku-buku lama dan moden, agar khazanah mereka yang kaya itu dapat kita hayati dalam menjana kefahaman dan memupuk rasa saling menghormati antara satu sama lain.

Bagi orang-orang Melayu pula, mereka juga telah mencipta peribahasa semenjak dahulu kala lagi. Sebelum mereka pandai menulis, mereka telah menggarap situasi yang mengelilingi mereka dengan peribahasa. Orang Melayu sebagai bangsa yang sangat penyantun, mereka menggunakan peribahasa untuk membuat teguran, nasihat, puji, sindiran dan pandangan, agar apa yang diucapkan itu tidak menjatuhkan maruah atau air muka individu yang berkenaan. Alam keliling yang melingkungi hidup mereka menjadi sumber ilham dan pencetus inspirasi yang sangat murni dalam melahirkan peribahasa mereka.

Peribahasa termasuk dalam kesantunan bahasa. Awang Sariyan, Ph.D , Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dalam sebuah kertas kerjanya di Singapur (2012) member erti tentang kesantunan bahasa dengan katanya "Kesantunan bahasa, secara umum, merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun". Bahasa secara tidak langsung ada kaitannya dengan akhlak.

## PENGERTIAN AKHLAK

Ahli bahasa merujuk perkataan akhlak kepada perkataan (al-khulq) bererti tabiat,kelakuan, perangai, tingkahlaku, adat kebiasaan, malah ia juga bereti agama itu sendiri.

Dalam al-Quran terdapat perkataan akhlak, antaranya firman Allah swt:

﴿ وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴾

Maksudnya : *Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung.*

(a-Qalam : 4)

Dan terdapat juga dalam al-Hadith Rasulullah saw, antaranya:

أَكْثَرُ مَا يَدْخُلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ، تَقْوَىُ اللَّهُ وَحْسَنُ الْخُلُقِ " - رواه الترمذى والحاكم

Maksudnya: Perkara yang paling banyak memasukkan manusia ke dalam syurga adalah taqwa kepada Allah dan akhlak yang baik. (hr: Tirmizi dan al-Hakim)

Antara definisi akhlak menurut istilah ialah: sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan.

## PEMBAHAGIAN AKHLAK

Akhlaq Terpuji: ialah perbuatan terpuji menurut pandangan akal dan syariat Islam atau dipanggil akhlak mahmudah seperti kasih saying, adil, berani, sabar,, keunggulan peribadi, kesucian diri, menjaga ketepatan masa, memelihara janji dan lain-lain lagi.

Akhlaq Tercela: akhlak tercela atau akhlak buruk dalam bahasa Arab dikenali sebagai sifat-sifat mazmumah, merupakan sifat-sifat yang bercanggah dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Sebarang sifat dan akhlak yang tergolong dalam kategori akhlak buruk amat dibenci dan dikeji dalam pandangan Islam. Antara akhlak atau sifat mazmumah ialah menyengutukan Allah s.w.t., bohong, takbur, dengki, khianat, bakhil, marah dan sebagainya. (<http://abdullahdazid.blogspot.com/p/akhlak.html>).

## AKHLAK DALAM PERIBAHASA

Kedua-dua jenis akhlak tersebut banyak tersurat dan tersirat dalam peribahasa hasil dari pengalaman dan pemerhatian orang tua-tua dan bijak pandai dengan harapan generasi mereka akan menjadi manusia yang baik dan bermoral tinggi. Di sini kita lihat akhlak memainkan peranan yang penting untuk melahirkan insan yang baik dan beramanah serta menghindarkan insan yang jahat dan khianat. Oleh kerana itu akhlak yang mulia adalah faktor terkuat untuk menyokong pembangunan rohani manusi.

Peribahasa diolah dengan begitu berhemah dan diungkap dengan bahasa yang sopan dan bersantun. Kata santun diberi makna dalam *Kamus Dewan* sebagai ‘halus (budi bahasa atau budi pekerti), beradab, sopan’. Oleh itu, kata kesantunan berkaitan dengan sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan kesopanan.

Kesantunan bahasa, secara umum, merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun. (Sila rujuk : <http://kembarabahasa.blogspot.com/2012/07/kesantunan-bahasa-asas-pembentukan-adab.html>).

## CONTOH AKHLAK DALAM PERIBAHASA

Penulis akan cuba menghadirkan beberapa peribahasa yang menyentuh tentang akhlak (sekadar contoh sahaja secara **kolektif** dan bukan **holistik**). Antaranya adalah seperti berikut:

## GALAKAN BEKERJA

(a) Arab:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	الأفعال أبلغ من الأقوال	Perbuatan lebih berkesan dari kata-kata	Bekerja (positif)
2	ازْرَعْ كُلَّ يَوْمٍ تَأْكُلْ	Bekerjalah setiap hari nescaya kamu dapat makan	Galakan bekerja (positif)
3	السَّمَاءُ لَا تُمْطِرُ ذَهَبًا وَ لَا فِضَّةً	Langit tidak akan menurunkan emas dan juga perak.	Galakan bekerja (positif)
4	كَمَا تَزْرَعْ تُحْصُدُ	Apa yang kamu tanam itulah yang kamu tuai	Hasil usaha (Positif)
5	لَا تُؤَجِّلْ عَمَلَ الْيَوْمِ إِلَى الْغَدَّ	Jangan tangguhkan kerja hari ini ke hari esok	Tidak menangguh-nangguh (positif)

(b) Melayu:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	Biar lambat asalkan selamat	Keselamatan lebih penting dan perlu berhati-hati dalam membuat sebarang pekerjaan	Menjaga keselamatan (positif)
2	Tidak lari gunung dikejar	Perkara yang dibuat secara tergesa-gesa biasanya akan menimbulkan banyak masalah dan kurang lengkap serta tidak terurus	Tergesa-gesa (negatif)
3	Awal dibuat, akhir diingat	Setiap perkara yang hendak dilakukan wajar difikirkan semasaki-masaki supaya selamat	Membuat perancangan (positif)
4	Alang-alang berdakwat biarlah hitam	Galakan membuat kerja dengan bersungguh-sungguh	Kesungguhan (positif)
5	Tak serik luka dimakan tajak, esok lusa ke bendang juga	Galakan terus bekerja walaupun kadangkala ada ujian	Terus bekerja (positif)

## MENJAGA TUTUR KATA (LISAN)

(a) Arab:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	إِيَّاكَ وَأَنْ يَضْرِبَ لِسَانَكَ عَنْقَكَ	Berhati-hatilah agar lidahmu tidak memukul tengkukmu	Berhati-hati dengan peracakan

			(positif)
2	النَّدَمُ عَلَى السُّكُوتِ خَيْرٌ مِنَ النَّدَمِ عَلَى الْقَوْلِ	Menyesal kerana berdiam adalah lebih baik dari menyesal kerana bercakap	Penyesalan yang baik (positif)
3	قول علامة بن علاء: أَسْوَأُ الْقَوْلِ الْإِفْرَاطُ	Seburuk-buru percakapan adalah berlebih-lebihan	Berpada-pada (positif)
4	الْكَثُرُ كَحَاطِبُ اللَّيلِ	Orang yang banyak bercakap seperti pengutip kayu di waktu malam	Banyak bercakap (negatif)
5	مَنْ أَكْثَرَ أَهْجَرَ	Orang yang banyak bercakap akan mengeluarkan kata-kata yang buruk	Banyak bercakap (negatif)

Rujukan (الأمثال العربية - دراسة تاريخية تحليلية - الدكتور عبدالجبار قطامش - دار الفكر دمشق : 303-304)

(b) Melayu:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	Lidah bercabang	Selalu berubah-ubah, tidak dapat dipercayai.	Bercakap tidak benar /tidak jujur (negatif)
2	Lidahnya masin.	Perkataannya diturut, permintaannya diterima	Dihormati kata-katanya (positif)
3	Lidah tidak beretulang, Salah petik jiwa melayang	Orang yang mendapat kecelakaan kerana tiada tahu menjaga tutur katanya	Menerima padah akibat dari kata-katanya (negatif)
4	Lidah terkalang.	Tidak dapat membantah sesuatu permintaan orang kerana telah berhutang budi dan sebagainya.	Tersekat kebebasan (negatif)
5	Sebab pulut santan binasa, Sebab mulut badan merasa	Menerima padah akibat tidak menjaga kata-kata	Kecelakaan (negatif)

## SIFAT PEMURAH/KEDEKUT

(a) Arab:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	أَجْوَدُ مِنْ حَاتِمَ الطَّائِي	Lebih pemurah dari Hatim Tha'i	Tersangat pemurah hati (positif)
2	مَنْ جَادَ بِمَالِهِ جَلَّ، وَمَنْ جَادَ بِعِرْضِهِ	Sesiapa yang pemurah dengan hartanya akan	Sikap pemurah mestilah bertempat

	<b>ذلٌّ</b>	menjadi mulia, dan sesiapa yang pemurah dengan maruahnya akan menjadi hina.	(negatif)
3	إِذَا أَعْطَيْتَ فَاقْتُمْهُ وَإِذَا أَعْطَيْتَ فَأَنْشُرْهُ	Bila anda member hendaklah diam, apabila anda diberi sebarkan	Memberi dan menerima tidak sama (positif)
4	إِذَا وَعَدَ الْكَرِيمُ أَوْفَى	Orang pemurah bila berjanji akan ditunaikan	Kepatuhan janji (positif)
5	أَعْطِ وَلَا تَذَكَّرْ : أَعْطَيْتُ	Memberilah, dan jangan kenang : aku telah memberi	Tidak mengunkit (positif)

تربيـة الأجيـال منـ الحـكم والأـشعار والأـمثال - دـ. أـحمد سـيد آل بـرجل - دار الفـضـيلة -

القـاهـرة (35-34)

(b) Melayu:

<b>BIL</b>	<b>PERIBAHASA</b>	<b>MAKSUD</b>	<b>NILAI</b>
1	Murah hati	Pemurah	Pemurah (positif)
2	Kaya hati	Pemurah, dermawan dan mulia hati	Pemurah (positif)
3	Baik hati	Suka menolong, pemurah	Pemuran (positif)
4	Genggam rapat	Kedekut	Kedekut/bakhil (negatif)
5	Tangkai jering	Kedekut	Bakhil (negatif)

## PERSAHABATAN

(a) Arab:

<b>BIL</b>	<b>PERIBAHASA</b>	<b>MAKSUD</b>	<b>NILAI</b>
1	اخْتَرْ الصَّدِيقَ فِيلَ الطَّرِيقِ	Pilih kawan sebelum memilih jalan	Persahabatan (positif)
2	أَكْثَرُ مِنَ الصَّدِيقِ إِنْكَ عَلَى الْعَدُوِّ قَادِرٌ	Ramaikan kawan dapat mengalahkan musuh	Meramaikan kawan (positif)
3	خَيْرُ الْأَصْحَابِ مَنْ دَلَّكَ عَلَى الْخَيْرِ	Sebaik-baik rakan orang yang dapat menunjukkan kearah kebaikan	Rakan yang baik (positif)
4	الصَّدِيقُ عِنْدَ الضَّيْقِ	Kawan yang sebenar ketika ketika dalam kesusahan	Rakan yang sebenar (positif)
5	حَافِظْ عَلَى الصَّدِيقِ وَلَوْ فِي الْحَرَقِ	Jagalah kawan walau dalam kebakaran	Memelihara persahabatan

		positif)
--	--	----------

Rujukan : <http://www.dzodz.com/>

(b) Melayu:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni	Persahabatan yang sangat akrab	Keakraban (positif)
2	Berkuah sama menghirup, bersambah sama mececah	Persahabatan yang sangat akrab	Keakraban (positif)
3	Berpatah arang berkerat rotan	Memutuskan tali persahabatan	Berpisah (negetif)
4	Tidak kekal bunga dikarang	Persahabatan sewaktu-waktu akan hilang	Putus persahabatan (Negetif)
5	Burung pipit sama enggang, mana boleh sama terbang	Persahabatan yang tidak sepadan	Tidak sepadan (negetif)

Sumber : Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (<http://prpm.dbp.gov.my>)

## AKHLAK BURUK

(a) Arab:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	يقتل القتيلَ ويُسْرِيُّ في جنازته	Dia membunuh kemudian mengeringgi jenazahnya	Penipuan (negatif)
2	كالنحل: في أفواهها عسلٌ يَحْلُوُ وفي أذنابها السم	Bak lebah, dimulutnya ada madu, ditarung ada racun	Kebaikan dan keburukan dari sumber yang sama
3	من لا يُكَرِّمُ نفسه لا يُكَرِّمُ	Orang yang tidak menghormati dirinya, tidak akan dihormati orang	(negatif)
4	يُأكِلونَ ثُمَّيْ وَأَرْمَيْ بِالنَّوَى	Tamarku mereka makan, dan aku dilempar dengan bijinya	Balas kebaikan dengan keburukan (negatif)
5	كالجراد، لا يُقْتَيْ ولا يَذَرَ	Bak belalang, tidak meninggalkan apa-apa pun	Tamat dan mementingkan diri (negatif)

Rujukan : maroc.altal.net

(b) Melayu:

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD	NILAI
1	Seperti pahat dengan penukul	Hanya bekerja bila disuruh	Malas (negatif)
2	Disambut dengan penyapu tak bersimpai	Diusir dari suatu majlis kerana dibenci orang	Kebencian (negatif)
3	Diperbesar hisap hitam bibir	Berbelanja boros akhirnya menderita	Keborosan (negatif)
4	Jangan memanah ke langit	Jangan menderhaka ia akan membinasakan diri	Kederhakaan (negatif)
5	Memakai kulit harimau	Menggunakan kekuatan orang lain untuk menakut-nakutkan orang	Ambil kesempatan jahat (negatif)

## DAPATAN KAJIAN

Dari bacaan awal yang dirujuk, penulis dapati bicara tentang akhlak begitu banyak terungkap dalam Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu, ini menunjukkan bahawa orang-orang Arab semenjak zaman jahilliah lagi, mereka sudah peka dengan akhlak dan perannya dalam membentuk sahsiah, apatah lagi di zaman Islam. Bagi masyarakat Melayu pun begitu juga, semenjak mereka belum padai menulis, garapan tentang akhlak sudah terungkap dalam Peribaha Melayu.

Dalam kajian ini penulis membawa hanya beberapa contoh sahaja. Kesimpulan dari contoh-contoh itu terdapat banyak persamaan antara Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu terutama dalam maksud atau makna yang tersirat dan tersurat di dalam peribahasa kedua-dua bangsa ini, malah terdapat juga penggunaan perkataan-perkatan yang sama dari segi makna mengikut bahasa masing-masing.

## PENUTUP DAN HARAPAN

Memandangkan kepada keprihatinan dua bangsa ini terhadap pembentukan akhlak dan moral seperti yang mereka abadikan dalam perbahasa masing-masing, maka menjadi tanggung jawab kita sebagai generasi penerus untuk menyampaikan pula kepada generasi kita wadah peribahasa ini.

Para guru, pensyarah, daie dan mereka-mereka yang terlibat dalam pendidikan, asuhan, kepimpinan malah pelajar itu sendiri perlu memahami tinggalan warisan yang sangat banyak ini dan menngunkannya dengan menggunakan cara atau method-method yang berkesan dalam penyampaian mereka.

Kepada pihak berwajib dalam pembinaan lanskap kurikulum, peribahasa yang menyentuh tentang akhlak dan moral ini perlu diperbayakkan. Para penulis buku teks juga memainkan peranan utama dalam menyelitkan peribasa yang mendidik akhlak dalam buku-buku karangan mereka.

## RUJUKAN

1. الأمثال العربية – دراسة تاريخية تحليلية – د. عبدالجيد قطامش . دار الفكرز دمشق.
2. تربية الأجيال من الحكم والأشعار والأمثال. د. أحمد سيد آل برجل. دار الفضيلة. القاهرة.
3. Awang Sarian (PhD). Kertas kerja – Singapura. 2012)
4. Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. (<http://prpm.dbp.gov.my>)
5. <http://abdullahdazid.blogspot.com/p/akhlakhtml>.
6. <http://kembarabahasa.blogspot.com/2012/07/>.
7. <http://www.dzodz.com/>

8. [http://www.google.co.in/search?hl=en-](http://www.google.co.in/search?hl=en-IN&source=hp&q=kamus+dewan+bahasa+online+melayu-melayu)

IN&source=hp&q=kamus+dewan+bahasa+online+melayu-melayu.

9. Lain-lain.